

PULAU PINANG, 20 Julai (Bernama) -- Kakitangan awam yang membocorkan rahsia kerajaan berhubung dengan kumpulan al-Arqam adalah mereka yang tidak setia dan tidak boleh diharapkan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, kakitangan berkenaan yang bersimpati dengan kumpulan itu dan membocorkan rahsia kerajaan kepada mereka, mungkin mengharapkan sesuatu untuk diri sendiri.

"Membocorkan rahsia kerajaan menjadi satu kesalahan menurut Akta Rahsia Rasmi (OSA) dan mereka yang melakukannya boleh dikenakan tindakan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Kabinet di sini.

Bagaimanapun, kata beliau, maklumat mengenai perkara itu baru diperolehi dan beliau yakin siasatan sedang dilakukan mengenainya.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas laporan akhbar hari ini bahawa polis sedang menyiasat bagaimana hasil satu mesyuarat di bawah Kementerian Dalam Negeri (KDN) mengenai al-Arqam boleh terlepas ke tangan kumpulan itu.

Laporan itu memetik Ketua Polis Negara Tan Sri Abdul Rahim Noor sebagai berkata bahawa polis mengesyaki berlaku kebocoran sehingga maklumat sulit seperti itu boleh dikeluarkan. -- Lagi.

▼20/07/16-52MST

CNS6851

R GB 20-07 00167 BA463

aab

Mahathir - Arqam 2 Pulau Pinang

Ketika ditanya mengenai laporan yang menyebut bahawa ketua kumpulan itu Ashaari Muhammad pernah mengarahkan anggotanya merampas kuasa di negara ini, Perdana Menteri berkata, beliau merasa lega kerana pengikut al-Arqam tidak menurut arahan Ashaari itu.

"Kita yakin apabila seseorang itu dapat menguasai pemikiran satu kumpulan yang semakin besar, lambat laun dia akan mempunyai cita-cita besar untuk mengambilalih kerajaan atau mendapat tempat secara yang tidak diizinkan," kata beliau.

Menurut laporan akhbar semalam, seorang bekas pegawai Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Abdul Aziz Wahab yang juga bekas pengikut al-Arqam menyatakan yang Ashaari telah mengarahkannya melancarkan misi merampas kuasa itu pada Mei 1986.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak melarang kumpulan agama bergerak di negara ini, malah pada masa ini banyak kumpulan seumpama itu, tetapi ia hendaklah tidak menyimpang daripada Islam.

"Jika bercanggah dan menyimpang jauh daripada ajaran Islam, ia membahayakan umat Islam dan kerajaan perlu bertindak terhadap kumpulan berkenaan," katanya. -- Lagi.

▼20/07/17-03MST

CNS6853

R GB 20-07 00095 BA464

aab

Mahathir - Arqam 3 (Akhir) Pulau Pinang

Ketika ditanya mengapa kerajaan tidak membendung al-Arqam sejak peringkat awal penubuhannya, beliau berkata pada peringkat awal itu al-Arqam tidak seperti sekarang, yang jelas semakin bercanggah dengan ajaran Islam.

Dr Mahathir berkata, tindakan pertama yang perlu diambil dalam usaha memperbetulkan kegiatan kumpulan itu ialah memperbetulkan ajaran mereka dan kalau ada di kalangan mereka yang enggan diperbetulkan, barulah kerajaan mengambil tindakan.

Bagaimanapun kerajaan belum dapat menentukan bentuk tindakan terhadap kumpulan itu, kata beliau. -- Bernama